

Soalan-Soalan Lazim (FAQ)
Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori dan
Klinik Pematuhan SSM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori?	Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori ("Kempen Pemulihan") merupakan inisiatif strategik oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membantu syarikat yang gagal mematuhi keperluan serah simpan dokumen statutori seperti Penyata Tahunan, Pemunyaan Benefisial dan Penyata Kewangan di bawah Akta Syarikat 2016.
2.	Apakah objektif utama penganjuran kempen ini?	Objektif utama penganjuran kempen ini adalah untuk: <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan tahap pematuhan syarikat terhadap keperluan statutori; • Memberi peluang pemulihan kepada syarikat yang tidak patuh; • Mengemas kini maklumat korporat dalam daftar SSM agar sentiasa tepat, terkini dan boleh dipercayai; serta • Menggalakkan tadbir urus korporat yang lebih baik dalam ekosistem perniagaan negara.
3.	Bilakah tempoh pelaksanaan Kempen Pemulihan ini?	Kempen Pemulihan akan berlangsung mulai 16 April 2026 sehingga 30 September 2026.
4.	Siapakah yang layak menyertai Kempen Pemulihan ini?	Semua syarikat yang mempunyai dokumen statutori tertunggak dan/atau kompaun tertunggak dengan SSM berkaitan dokumen statutori seperti Penyata Tahunan, Pemunyaan Benefisial dan Penyata Kewangan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan Pelan Pemulihan?	<p>Pelan Pemulihan ialah satu aku janji bertulis oleh syarikat untuk melaksanakan tindakan pemulihan dalam tempoh yang ditetapkan, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini dokumen statutori tertunggak; atau • Mengemukakan permohonan pemotongan nama bagi syarikat tidak aktif.
6.	Bagaimana cara untuk syarikat menyertai Kempen Pemulihan ini?	<p>Pengarah atau wakil syarikat yang diberi kuasa perlu mengisi Borang Aku Janji yang disediakan oleh SSM. Sila muat turun borang tersebut melalui pautan di bawah:</p> <p><u>Pautan: Borang Aku Janji</u></p> <p>Borang Aku Janji yang telah lengkap hendaklah dihantar semula melalui pautan yang sama. Serahan dokumen dalam bentuk fizikal tidak akan diterima.</p>
7.	Berapakah tempoh masa yang diberikan kepada syarikat untuk melakukan tindakan pemulihan?	<p>Syarikat yang menyertai Pelan Pemulihan akan diberikan tempoh seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan untuk serah simpan Penyata Tahunan dan Pemunyaan Benefisial tertunggak; • 6 bulan untuk serah simpan Penyata Kewangan tertunggak; dan • 3 bulan untuk mengemukakan permohonan pemotongan nama syarikat. <p>*Tempoh di atas bermula dari tarikh Borang Aku Janji yang lengkap diterima oleh SSM.</p> <p>Walau bagaimanapun, tempoh masa tersebut tidak terpakai bagi Penyata</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN												
		Tahunan dan Penyata Kewangan semasa iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Tahunan bagi syarikat yang ulang tahun pemerbadanannya adalah pada 25 Mac 2026 dan ke atas; serta • Penyata Kewangan (FYE) bertarikh 30 Oktober 2025 dan ke atas. 												
8.	Merujuk kepada jawapan bagi Soalan No. 7, mengapa dokumen-dokumen tersebut dikecualikan?	Dokumen tersebut dikecualikan kerana permohonan pelanjutan masa masih boleh dilakukan dan perlu dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada.												
9.	Apakah kelebihan menyertai Kempen Pemulihan ini?	Antara kelebihan utama adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Diberi tempoh masa untuk serah simpan dokumen tertunggak atau mengemukakan permohonan pemotongan nama; • Pengecualian daripada penawaran kompaun dan tindakan pendakwaan sepanjang tempoh 6 bulan dari tarikh aku janji bagi kesalahan berkaitan serah simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan dan Pemunyaan Benefisial; dan • Pengurangan kompaun yang signifikan, antara 90% hingga 98.75%, tertakluk kepada jenis kesalahan. 												
10.	Apakah jenis kesalahan yang layak menerima pengurangan kompaun di bawah Kempen Pemulihan serta jumlah pengurangan yang diberikan?	Pengurangan kompaun di bawah Kempen Pemulihan melibatkan kesalahan di bawah Akta Syarikat 2016 ("AS 2016") dan Akta Syarikat 1965 ("AS 1965") berikut: <table border="1" data-bbox="791 1749 1430 1984"> <thead> <tr> <th data-bbox="791 1749 983 1805">SEKSYEN KESALAHAN</th> <th data-bbox="983 1749 1190 1805">NILAI ASAL KOMPAUN</th> <th data-bbox="1190 1749 1430 1805">NILAI SELEPAS PENGURANGAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="791 1805 983 1861">Seksyen 68 AS 2016</td> <td data-bbox="983 1805 1190 1861">RM5,000.00</td> <td data-bbox="1190 1805 1430 1861">RM500.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1861 983 1917">Seksyen 60B AS 2016</td> <td data-bbox="983 1861 1190 1917">RM2,000.00</td> <td data-bbox="1190 1861 1430 1917">RM200.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1917 983 1984">Seksyen 245 AS 2016</td> <td data-bbox="983 1917 1190 1984">RM40,000.00</td> <td data-bbox="1190 1917 1430 1984">RM2,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	SEKSYEN KESALAHAN	NILAI ASAL KOMPAUN	NILAI SELEPAS PENGURANGAN	Seksyen 68 AS 2016	RM5,000.00	RM500.00	Seksyen 60B AS 2016	RM2,000.00	RM200.00	Seksyen 245 AS 2016	RM40,000.00	RM2,000.00
SEKSYEN KESALAHAN	NILAI ASAL KOMPAUN	NILAI SELEPAS PENGURANGAN												
Seksyen 68 AS 2016	RM5,000.00	RM500.00												
Seksyen 60B AS 2016	RM2,000.00	RM200.00												
Seksyen 245 AS 2016	RM40,000.00	RM2,000.00												

BIL.	SOALAN	JAWAPAN		
		Seksyen 248 AS 2016	RM40,000.00	RM500.00
		Seksyen 258 AS 2016	RM5,000.00	RM500.00
		Seksyen 259 AS 2016	RM5,000.00	RM500.00
		Seksyen 340 AS 2016	RM2,000.00	RM200.00
		Seksyen 165 AS 1965	RM1,000.00	RM100.00
		Seksyen 143 AS 1965	RM1,000.00	RM100.00
		Seksyen 169 AS 1965	RM3,000.00	RM100.00
* Kecuali kompaun bagi penyelesaian luar mahkamah.				
11.	Apakah kriteria yang melayakkan pihak syarikat menikmati pengurangan kompaun di bawah kempen ini?	<p>Pengurangan kompaun hanya akan diberikan sekiranya syarikat telah memenuhi salah satu kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Telah serah simpan dokumen tertunggak (Penyata Tahunan / Penyata Kewangan / Pemunyaan Benefisial); • Telah membuat permohonan pemotongan nama atau dikenakan tindakan pemotongan nama oleh SSM; • Syarikat dalam proses pembubaran; atau • Syarikat telah berstatus <i>Dissolved</i>. 		
12.	Apakah jenis kesalahan yang tidak layak mendapat pengurangan kompaun di bawah Kempen Pemulihan?	<p>Kesalahan yang TIDAK LAYAK menikmati pengurangan kompaun di bawah Kempen Pemulihan adalah melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kompaun bagi penyelesaian luar mahkamah atau kertas siasatan yang dikeluarkan oleh SSM; dan • Kompaun bagi seksyen kesalahan selain daripada senarai kesalahan yang dinyatakan pada soalan No. 10 di atas. 		

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Adakah kompaun yang telah diberi pengurangan sebelum ini masih layak mendapat pengurangan di bawah skim Kempen Pemulihan?	Ya, kompaun yang telah diberi pengurangan sebelum ini masih layak mendapat pengurangan di bawah skim Kempen Pemulihan sekiranya nilai kompaun semasa lebih tinggi daripada nilai selepas pengurangan di bawah skim Kempen Pemulihan, tertakluk kepada pembuktian tindakan pemulihan telah dilakukan.
14.	Bagaimanakah cara pihak syarikat boleh memohon rayuan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan kempen ini?	<p>Pengurangan kompaun boleh dimohon melalui cara seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hadir di kaunter penguatkuasaan di Tingkat 26 Menara SSM@Sentral, atau mana-mana kaunter penguatkuasaan pejabat negeri dan cawangan SSM; atau • E-mel kepada <i>SSM Customer Care</i> (enquiry@ssm.com.my).
15.	Adakah surat rayuan diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan Kempen Pemulihan?	Ya. Surat rayuan diperlukan semasa permohonan pengurangan kompaun dibuat di kaunter penguatkuasaan atau melalui e-mel dengan menyatakan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat atau nama pengarah dan nombor kad pengenalan/pasport pengarah.
16.	Adakah syarikat yang telah mengambil tindakan pemulihan masih perlu mengisi Borang Aku Janji untuk mendapatkan pengurangan kompaun?	<p>Syarikat yang telah mengambil tindakan pemulihan TIDAK PERLU mengisi Borang Aku Janji untuk mendapatkan pengurangan kompaun di bawah Kempen Pemulihan. Syarikat hanya perlu kemukakan surat rayuan kompaun untuk mendapatkan pengurangan.</p> <p>Borang Aku Janji hanya perlu diisi oleh syarikat yang memerlukan tempoh masa untuk mengambil tindakan pemulihan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
17.	Dimanakah pembayaran kompaun yang telah diberi pengurangan boleh dilakukan?	<p>Pembayaran kompaun boleh dibuat di mana-mana pejabat SSM di seluruh Malaysia atau secara dalam talian melalui sistem EzBiz Online di https://ezbiz.ssm.com.my.</p> <p>Pembayaran melalui EzBiz Online hanya boleh dilakukan oleh individu yang telah berdaftar sebagai pengguna EzBiz.</p>
18.	Bagaimanakah komuniti korporat boleh menyemak status kompaun?	<p>Syarikat boleh membuat semakan status kompaun melalui saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hantar permohonan melalui emel kepada <i>SSM Customer Care</i> (enquiry@ssm.com.my). • Semakan secara dalam talian melalui laman rasmi SSM, e-kompaun (https://www.ssm.com.my/Pages/e-Compound.aspx). • Melalui EzBiz Online (https://ezbiz.ssm.com.my). • Secara fizikal di kaunter: Hadir ke kaunter penguatkuasaan di tingkat 26, Menara SSM@Sentral, atau mana-mana kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri dan Cawangan SSM kecuali di kaunter UTC dan kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya).
19.	Apakah itu Klinik Pematuhan SSM?	Klinik Pematuhan merupakan sesi bimbingan dan khidmat nasihat secara bersemuka yang dianjurkan oleh SSM, khusus untuk membantu pengarah dan wakil syarikat memahami tahap pematuhan serta merangka pelan tindakan pemulihan yang bersesuaian.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
20.	Siapakah sasaran utama Klinik Pematuhan ini?	<p>Sasaran utama Klinik Pematuhan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah syarikat; • Setiausaha syarikat; dan • Wakil syarikat yang bertanggungjawab terhadap pematuhan statutori.
21.	Apakah manfaat Klinik Pematuhan?	<p>Peserta berpeluang untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak status pematuhan syarikat masing-masing; • Mengenal pasti punca ketidakpatuhan; • Mendapatkan penjelasan mengenai keperluan undang-undang dan proses pemotongan nama; serta • Menerima nasihat secara terus daripada pegawai SSM.
22.	Di manakah Klinik Pematuhan akan diadakan?	<p>Klinik Pematuhan akan dilaksanakan di lima lokasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kuala Lumpur: 13 April 2026 • Selangor: 23 April 2026 • Johor: 29 April 2026 • Sabah: 5 Mei 2026 • Sarawak: 7 Mei 2026
23.	Apakah alternatif untuk mendapatkan nasihat dan konsultasi bagi negeri di mana Klinik Pematuhan tidak diadakan?	<p>Khidmat bimbingan dan nasihat pematuhan masih boleh diperolehi di mana-mana Pejabat SSM di seluruh negara.</p>
24.	Adakah syarikat yang tidak menyertai Klinik Pematuhan boleh menyertai Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori?	<p>Ya, pihak syarikat boleh menyertai Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori dengan menandatangani aku janji yang disediakan oleh SSM.</p>

Dikemaskini pada 16 April 2026